

Isa menunjukkan diri-Nya kepada para pengikut-Nya

Petikan dari Kitab Injil: [Lukas 24:36-49](#).

³⁶Semasa mereka berkata-kata tentang segala perkara ini, Isa sendiri berdiri di tengah-tengah mereka dan berkata kepada mereka, 'Sejahteralah kamu!'

³⁷Mereka terkejut dan berasa sangat takut kerana menyangka mereka melihat hantu. ³⁸Tetapi Isa berkata kepada mereka, 'Apakah sebabnya kamu takut? Mengapakah hatimu ragu-ragu?' ³⁹Tengoklah tangan dan kaki-Ku. Inilah Aku. Sentuhlah Aku dan tengok. Hantu tidak berdaging dan bertulang sebagaimana yang kamu lihat ada pada-Ku.'

⁴⁰Setelah Dia berkata demikian, Dia menunjukkan tangan dan kaki-Nya kepada mereka. ⁴¹Mereka masih tidak dapat percaya kerana terlalu gembira dan takjub. Isa pun bertanya kepada mereka, 'Adakah kamu mempunyai makanan di sini?' ⁴²Mereka memberi Dia sepotong ikan yang telah dimasak, ⁴³lalu Dia mengambilnya dan makan di hadapan mereka semua.

⁴⁴Kemudian, Dia berkata kepada mereka, 'Inilah perkara-perkara yang telah Aku katakan kepadamu semasa Aku masih bersamamu dahulu: Segala perkara yang tersurat tentang Aku dalam Taurat Musa, kitab-kitab nabi dan Kitab Zabur pasti akan berlaku.'

⁴⁵Lalu Dia membuka pintu pemahaman mereka supaya mereka mengerti maksud Kitab Suci. ⁴⁶Dia berkata lagi, 'Demikianlah yang tersurat: Bahawa al-Masih harus menderita lalu bangkit semula daripada maut pada hari yang ketiga, ⁴⁷dan perkhabaran tentang pertaubatan dan pengampunan dosa akan diisytiharkan demi nama-Nya kepada semua bangsa, mulai di Baitulmaqdis. ⁴⁸Kamulah saksi segala perkara ini. ⁴⁹Dan Aku akan mengurniakan pemberian yang dijanjikan oleh Bapa-Ku kepadamu. Tetapi, tunggulah di kota ini sehingga kamu diperlengkapi dengan kuasa daripada Allah.'